

KENYATAAN MEDIA

CIDB MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN KE SIBU, SARAWAK DENGAN CAWANGAN BAHARU

Pejabat CIDB ke-20 menandakan komitmen dalam pemerkasaan industri pembinaan

Sibu, Sarawak, 23 Mac 2019: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini melancarkan pembukaan pejabat ke-20 di cawangan terbaharunya di Sibu, Sarawak. Ini adalah salah satu daripada usaha-usaha CIDB dalam memperluaskan lagi perkhidmatan di negeri ini. Pembukaan pejabat serta cawangan di semua negeri dan beberapa daerah yang strategik akan memudahkan CIDB melaksanakan tugas-tugasan mengawalselia dan memantau aktiviti pembinaan selaras dengan pematuhan Akta Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) atau Akta 520.

Majlis Perasmian Pejabat CIDB Cawangan Sibu, dilancarkan oleh **Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya** dan diiringi oleh **Dato' Ir. Ahmad Asri, Ketua Eksekutif CIDB**.

Dalam ucapan perasmian beliau, Tuan Baru Bian menekankan bahawa projek-projek pembinaan di daerah Sibu yang menjadi pemangkin pembangunan ekonomi setempat merupakan sebab utama pembukaan cawangan baharu ini.

“Sibu bukan sahaja dikenali sebagai bandar pelabuhan dan pembinaan kapal. Malah, daerah ini juga merupakan pintu masuk ke Korridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan juga destinasi pelancongan di sepanjang Sungai Rajang. Sibu sememangnya mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan lebih pesat lagi pada masa akan datang,” kata **Tuan Baru Bian**.

Antara projek-projek utama terbaharu di Sibu adalah seperti yang berikut:-

- Tahun 2016 - Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1 bernilai RM 1.7 bilion
- Tahun 2017 - Pembinaan pangsapuri 18 tingkat, hotel dan bangunan komersial bernilai kerja sebanyak RM 140 juta, turut merupakan projek terbesar di daerah Sibu.
- Tahun 2018 - Projek perancangan tebatan banjir Sibu (Fasa 3), Lembangan Batang Rajang bernilai RM 90 juta
- Tahun 2019 - Kerja pembinaan bernilai RM 100 juta direkodkan bagi kerja projek membina jalan dari Sibu ke Jalan Kong Yit Khim, Sibu.

Dengan adanya Pejabat CIDB Cawangan Sibu ini, bantuan khidmat pelanggan seperti proses pendaftaran kontraktor dan bahan binaan, serta pendaftaran dan akreditasi personel binaan dapat dilaksanakan dengan lebih meluas. Kini, para penggiat industri tempatan berpeluang untuk mendapatkan bimbingan daripada pihak CIDB mengenai perkara yang berkenaan dengan industri pembinaan sekaligus memastikan industri pembinaan di Sibu lebih berdaya saing dan memberi impak yang positif kepada pembangunan Negara.

Setakat akhir Februari 2019, terdapat 96,038 kontraktor yang berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah ini, seramai 8,650 kontraktor dari Sarawak manakala 974 kontraktor adalah daripada Sibu. Selain itu, Statistik Personel Binaan pula menunjukkan bahawa secara keseluruhannya seramai 850,000 personel yang berdaftar di seluruh negara yang mana seramai 45,000 adalah dari Sarawak dan lebih 13,000 personel adalah dari Sibu khususnya.

“CIDB sangat menggalakkan agensi-agensi tempatan di daerah Sibu ini untuk mendapatkan maklumat mengenai Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang sedang dilaksanakan khusus bagi meningkatkan prestasi industri pembinaan negara agar setara dengan pencapaian di negara-negara maju. Tambahan lagi, kerjasama strategik di antara CIDB dan agensi-agensi tempatan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang digariskan di bawah CITP akan meningkatkan pencapaian industri pembinaan di Sibu, selaras dengan slogan CITP

“Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan”, kata **Dato’ Ir. Ahmad Asri, Ketua Eksekutif CIDB.**

CITP adalah sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), bermatlamat untuk membangunkan industri pembinaan menerusi empat teras strategik utama iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti serta Pengantarabangsaan.

Cawangan di Sibu merupakan Pejabat CIDB yang ke-20. Kini, terdapat 15 Pejabat negeri di seluruh Malaysia dan 5 Pejabat cawangan iaitu di Miri, Bintulu dan Sibu di Sarawak, serta Tawau dan Sandakan di Sabah. CIDB ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) pada tahun untuk mengawal selia, membangun dan memudahkan industri pembinaan menuju ke arah mencapai daya saing global.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa	rakis@cidb.gov.my	012 – 6200 360
Mansor Ahmad	mansor.ahmad@cidb.gov.my	012 – 386 4997

Dikeluarkan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

Putri Adlina	putri.adlina@nagadddbtribal.com.my	013 – 357 9055
Kristine Yap	kristine.yap@nagadddbtribal.com.my	017 – 333 3637

#####